



Pemenang Pertandingan Pejabat Terbaik diwakili oleh Setiausaha Bahagian Urus Setia SPA Cawangan Sarawak, Bahagian Pengurusan dan Bahagian Pengurusan Maklumat

PERTANDINGAN MINDA *CHALLENGE* SPA 2012

Pertandingan Minda *Challenge* SPA 2012 merupakan satu program inovasi yang bermatlamat untuk memupuk minat serta menggalakkan warga SPA memberikan cadangan idea yang kreatif dan inovatif terhadap penambahbaikan urusan kerja di SPA. Sebanyak enam (6) cadangan telah disenarai pendek dan diterima oleh pihak pengurusan SPA.



YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam dan YBhg. Datuk Ramli bin Juhari bersama pemenang-pemenang Minda *Challenge* 2012



PROGRAM SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA 2012

Pertandingan Penulisan Cerpen

SPA telah mengadakan Pertandingan Penulisan Cerpen bertemakan "Indahnya Malam Kemerdekaan" yang diadakan bermula 1 hingga 31 Oktober 2012. Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Johan : Puan Norazrina bt Zainal Mohyin (Bahagian Perkhidmatan)
Naib Johan : Puan Siti Nurazira bt Sahhudin (Bahagian Pengambilan Khas)
Ketiga : Encik Alexious bin Gidin (SPA Cawangan Sabah)



YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam dan YBhg. Datuk Ramli bin Juhari bersama pemenang-pemenang Pertandingan menulis cerpen

Pertandingan Kuiz Jejak Kenegaraan 2012

Bersempena Sambutan Bulan Kemerdekaan 2012, SPA telah mengadakan Pertandingan Kuiz Jejak Kenegaraan 2012 bertempat di Perpustakaan SPA. Seramai 5 peserta telah mengambil bahagian di dalam pertandingan ini. Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Johan : Puan Aishah binti Hussin (Bahagian Pengurusan Maklumat)
Naib Johan : Encik Roslan bin Atan (Bahagian Peperiksaan)
Ketiga : Puan Bi Adibah binti Mohd Zin (Bahagian Peperiksaan)



YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam dan YBhg. Datuk Ramli bin Juhari bersama pemenang-pemenang Pertandingan Kuiz Jejak Kenegaraan

SPA MENERIMA SIJIL PENGHARGAAN DARIPADA KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah menerima sijil penghargaan daripada Ketua Setiausaha Negara kerana Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dari Bahagian Perkhidmatan iaitu MERPATI telah mendapat tempat ketiga dalam Konvensyen KIK Peringkat JPM Tahun 2012. Dalam majlis yang diadakan pada 18 Disember 2012 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) itu, kumpulan MERPATI telah mempersembahkan projek KIK yang bertajuk "Sistem Pengurusan Urusan Perkhidmatan Kurang Efektif".



YBhg. Datuk Ramli bin Juhari menerima sijil penghargaan daripada Ketua Setiausaha Negara



Sebahagian peserta dari Kumpulan MERPATI yang hadir

PROGRAM HARI KHAS SPA BERSAMA PELANGGAN

Pada tahun 2012, Suruhanjaya telah berjaya melaksanakan program Hari Khas SPA Bersama Pelanggan seperti yang dijadualkan di Putrajaya dan di luar Putrajaya. Pelaksanaan program di negeri-negeri juga dapat dilaksanakan dengan lancar seperti yang dirancang tertakluk kepada kesesuaian tarikh dan masa kerajaan negeri berkenaan. Suruhanjaya telah mendapat kerjasama yang baik daripada kerajaan negeri di mana program dilaksanakan khususnya daripada segi persiapan, logistik dan juga jemputan.

Pada tahun 2012, Hari Khas SPA Bersama Pelanggan di luar pejabat telah diadakan seperti berikut:

- Hari Khas SPA Bersama Pelanggan, Dewan Suarah Bintulu, Sarawak pada 16 Jun 2012;
- Hari Khas SPA Bersama Pelanggan, Dewan SMK Asajaya, Kuching, Sarawak pada 14 Julai 2012;
- Dewan Perhimpunan Cina, Kuala Lumpur pada 5 Ogos 2012;
- Hari Khas SPA Bersama Pelanggan, Dewan Suarah Sarikei, Sarawak pada 21 September 2012;
- Bangunan Persekutuan, Ipoh, Perak pada 3 dan 4 Oktober 2012;
- Karnival Kerjaya di Kompleks Belia dan Sukan, Kuching, Sarawak pada 29, 30 dan 31 Oktober 2012;
- Karnival Kerjaya Dataran Pekan, Pahang pada 5 Disember 2012; dan
- Karnival Kerjaya APMM, Labuan pada 6 Disember 2012.

Selain itu, SPA juga turut sama menyertai pameran kerjaya anjuran agensi lain. Antaranya adalah:

- *My Career* di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya pada 11 Februari 2012;
- *My Career* di Dewan Serbaguna Skudai, Johor Bahru, Johor pada 19 Februari 2012;
- *My Career* di Dewan Besar, Universiti Putra Malaysia pada 25 Februari 2012;
- *My Career* di Tamil Methodist Hall, Ipoh, Perak pada 4 Mac 2012;
- Pesta Kerjaya Universiti Malaya pada 20 hingga 22 Mac 2012;
- Ekspo Kerjaya dan Pendidikan Universiti Sains Malaysia pada 27 hingga 29 April 2012;
- Ekspo Kerjaya Universiti Putra Malaysia pada 15 dan 16 Mei 2012;
- Karnival Kerja Pesta Sungai Melaka pada 9 dan 10 Jun 2012;
- Karnival Pekerjaan anjuran PERKESO sempena Seminar Kebangsaan Return to Work Kuala Lumpur 2012 pada 20 Jun 2012;
- Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Graduan KPT pada 29 Jun hingga 1 Julai 2012;
- Pesta Kerjaya di SMK Seri Serdang, Seri Kembangan, Selangor pada 11 Julai 2012; dan
- Karnival Hello Komoditi Dewan Masyarakat Tun Fuad Stephens Penampang pada 14 Disember 2012

**TARIKH DAN TEMPAT PROGRAM HARI KHAS SPA BERSAMA PELANGGAN DI
PEJABAT SPA BAGI TAHUN 2012**

TARIKH:	TEMPAT :
31 Januari	Pusat Temu Duga SPA, Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur
28 Februari	Dewan Temu duga SPA, Putrajaya
27 Mac	Pusat Temu Duga SPA, Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur
24 April	Dewan Temu duga SPA, Putrajaya
29 Mei	Pusat Temu Duga SPA, Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur
31 Julai	Pusat Temu Duga SPA, Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur
28 Ogos	Pusat Temu Duga SPA, Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur
24 September	Dewan Temu duga SPA, Putrajaya
27 November	Dewan Temu duga SPA, Putrajaya

TARIKH DAN TEMPAT PROGRAM HARI KHAS SPA BERSAMA PELANGGAN DAN KARNIVAL KERJAYA URUS SETIA SPA CAWANGAN SARAWAK DAN SABAH BAGI TAHUN 2012

TARIKH	TEMPAT
10 Februari	SMK Tulid, Sook, Sabah
17 Februari	SMK Telupid, Beluran, Sabah
22 Mac	SML Lohan, Ranau, Sabah
23 Mac	SMK Matupang Jaya, Ranau
16 Jun	Dewab Suarah, Bintulu, Sarawak
14 Julai	SMK Asajaya, Sarawak
21 Ogos	SMK Tinggi Sarikei, Sarawak
3 September	SM Kian Kok, Kota Kinabalu, Sabah
4 September	SMJK Tiong Hua, Sandakan, Sabah
6 September	Kolej Yayasan Sabah, Kota Kinabalu, Sabah
11 September	SM Teknik Keningau, Sabah
21 September	Dewan Suarah Sarikei, Sarawak
17 Oktober	SMK Pinggan-Pinggan, Kota Marudu, Sabah
29 hingga 31 Oktober	Kompleks Belia dan Sukan, Kuching Sarawak
15 November	Dewan Masyarakat Pakan, Sarikei, Sarawak
16 November	Dewan Suarah, Sri Aman, Sarawak
18 November	Dewan Masyarakat Sekuau, Sibau, Sarawak
23 November	SM Teknik Keningau
01 Disember	Dewan Rumah Dayak Saratok, Betong, Sarawak Dewan Suarah Bau, Kuching, Sarawak
02 Disember	Balai Raya Kampung Bunuk, Padawan, Kuching
08 Disember	Dewan Masyarakat Serian, Samarahan Pejabat Daerah Sebuyau, Samarahan, Sarawak
09 Disember	Dewan Masyarakat Lundu, Kuching
12 Disember	Dewan Suarah Bintulu, Sarawak



Hari Khas SPA Bersama Pelanggan di Bangunan Persekutuan Ipoh, Perak pada 3-4 Oktober 2012



YBhg. Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara turut sama melawat booth pameran sempena Hari Khas SPA Bersama Pelanggan di Bangunan Persekutuan, Ipoh, Perak pada 4 Oktober 2012



TEMU DUGA SPA DIJALANKAN PADA WAKTU MALAM DAN HUJUNG MINGGU

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah mula menjalankan urusan temu duga pada waktu malam bermula 13 Jun 2012. Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha transformasi yang dijalankan SPA ke arah mempermudah calon untuk hadir temu duga dengan memberikan waktu yang *fleksible* khususnya kepada calon yang bekerja. Selain temu duga pada waktu malam, temu duga juga turut diadakan pada hujung minggu.



Sesi temu duga yang dijalankan pada waktu malam buat pertama kali

SESI INTERAKSI PENGERUSI SPA MALAYSIA BERSAMA KEMENTERIAN, JABATAN DAN PENTADBIRAN NEGERI DI BAWAH BIDANG KUASA SPA

Sepanjang tahun 2012, YBhg, Tan Sri Pengerusi SPA telah mengambil langkah pro aktif dengan mengadakan Sesi Interaksi Pengerusi SPA Bersama Kementerian, Jabatan dan Pentadbiran Negeri di Bawah Bidang Kuasa SPA. Sesi interaksi ini bertujuan bagi membolehkan sebarang masalah atau urusan yang melibatkan SPA dapat diselesaikan dengan secepat mungkin selain menjadi medium mendekati SPA dengan kementerian/jabatan/pentadbiran negeri di bawah bidang kuasa SPA. Antara sesi interaksi yang telah diadakan adalah:

- Sesi Interaksi di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 8 Jun 2012;
- Sesi Interaksi di Bintulu, Sarawak pada 15 Jun 2012;
- Sesi Interaksi di Miri, Sarawak pada 16 Jun 2012;
- Sesi Interaksi di Johor Bahru, Johor pada 26 Jun 2012;
- Sesi Interaksi di Sandakan, Sabah pada 4 Julai 2012;
- Sesi Interaksi di Putrajaya pada 13 Julai 2012;
- Sesi Interaksi di Limbang, Sarawak pada 5 September 2012;
- Sesi Interaksi di Alor Setar, Kedah pada 20 September 2012;
- Sesi Interaksi di Kota Bharu, Kelantan pada 24 Oktober 2012;
- Sesi Interaksi di Kuching, Sarawak pada 30 Oktober 2012;
- Sesi Interaksi di Kota Kinabalu, Sabah pada 21 November 2012; dan
- Sesi Interaksi di Pekan, Pahang pada 5 Disember 2012.



Sesi Interaksi Pengerusi SPA Bersama Kementerian, Jabatan, Pentadbiran Negeri di Bawah Bidang Kuasa SPA



YBhg. Tan Sri Pengerusi SPA bersalaman dengan peserta sesi interaksi





Sidang Media YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam selepas tamat sesi interaksi



YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam bersalaman dengan peserta sesi interaksi



SESI ENGAGEMENT SPA BERSAMA PIHAK MEDIA

Sebagai usaha SPA untuk mendekati masyarakat dan mendedahkan pelbagai maklumat berhubung perkhidmatan awam untuk menarik lebih ramai masyarakat untuk memohon jawatan, pihak SPA telah mengadakan sesi engagement dengan pihak media. Antara usaha yang telah dijalankan adalah dengan membuat hebahan melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM), Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Astro, Media Prima, Media Cina dan Media India.



YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam ditemu ramah dalam slot Selamat Pagi Malaysia terbitan RTM



Temu bual dalam rancangan Bual Bicara Bernama Radio24 di Wisma Bernama



YBhg. Dato' R. Segarajah ditemu bual oleh deejay Radio BFM89.9 berhubung penyertaan bukan Melayu dalam perkhidmatan awam



YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam ditemu ramah dalam rancangan DTubes.TV, sebuah rangkaian TV internet 24 jam



SIRI KERJASAMA DENGAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)


Dalam usaha SPA untuk mendekati orang ramai, siri engagement dengan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah dijalankan untuk menjelaskan peranan SPA serta memberikan penerangan lebih lanjut tentang peluang-peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam khususnya kepada calon-calon bukan Melayu serta seminar skill temu duga. Antara NGO yang terlibat adalah seperti Persatuan Profesional Melayu Malaysia (PPMM), Agensi Pekerjaan Kayelle Sdn Bhd, Pertubuhan Gabungan Cina Malaysia (Hua Zong), National Indian-Right Action Team (NIAT) dan NGO Dayak.



Puan Lim Mooi Eia , Timbalan Setiausaha (Perkhidmatan) menyampaikan taklimat kepada para peserta Pertubuhan Gabungan Cina Malaysia (Hua Zong) di Kuala Lumpur



Pengerusi SPA bersama Pertubuhan Gabungan Cina Malaysia (Hua Zong)



Taklimat khas persediaan menduduki Peperiksaan PTD anjuran bersama Persatuan Profesional Melayu Malaysia (PPMM)



Sebahagian peserta taklimat yang hadir





Kunjungan dari *National Indian - Right Action Team* (NIAT)

LAWATAN KERJA DELEGASI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (SPA) KE NEGARA SWEDEN

Pengerusi SPA YBhg. Tan Sri Mahmood bin Adam telah mengetuai lawatan kerja delegasi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) ke Negara Sweden mulai 26 November 2012 hingga 2 Disember 2012. Delegasi SPA ini turut disertai oleh Setiausaha SPA, YBhg. Datuk Ramli Juhari dan tiga orang pegawai SPA. Lawatan kerja ini bertujuan untuk mengetahui dan mempelajari kaedah pengambilan kakitangan awam di negara itu. Antara tempat yang dilawati ialah *Ministry of Employment, Sweden* dan *Swedish Public Employment Service*. Delegasi SPA juga turut mengadakan perjumpaan dengan pelajar-pelajar Malaysia yang berada di Sweden.



YBhg. Tan Sri Mahmood Adam membuat kunjungan hormat ke atas Duta Besar Malaysia ke Sweden, YBhg. Dato' Badruddin Ab. Rahman.

Foto Ikhlas PC



LAWATAN KERJA DELEGASI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (SPA) KE SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM INDIA

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke New Delhi, India pada 06 November 2012 sehingga 09 November 2012 bertujuan untuk mempelajari pelaksanaan urusan pelantikan ke dalam perkhidmatan awam serta urusan perkhidmatan/tatatertib yang diamalkan oleh Union Public Service Commission (UPSC), Staff Selection Commission (SSC) dan Department Of Personnel & Training (DOPT) di New Delhi. Delegasi lawatan ini telah diketuai oleh Timbalan Pengerusi SPA, YBhg. Dato' R. Segarajah, serta disertai oleh dua orang Ahli Suruhanjaya dan dua pegawai SPA.



Timbalan Pengerusi SPA bersama delegasi di India

LAWATAN KERJA DELEGASI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (SPA) KE PERKHIDMATAN AWAM NEGARA CHINA

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke Beijing, China pada 19 November 2012 - 23 November 2012 bertujuan untuk mempelajari pelaksanaan urusan pelantikan, peperiksaan serta urusan perkhidmatan yang diamalkan oleh perkhidmatan awam Negara China. Delegasi lawatan ini diketuai oleh YBhg. Datuk Salim bin Hashim, Ahli Suruhanjaya serta disertai oleh seorang Ahli Suruhanjaya dan 3 pegawai SPA. Tempat yang dilawati ialah State Administration Of Civil Service (SACS), Chinese Academy of Governance (CAG) dan The Beijing Foreign Studies University (BFSU). Seisi interaksi dengan pelajar-pelajar Malaysia di Beijing juga turut diadakan.



Delegasi SPA di China

PERJUMPAAN BERSAMA KONGRES KESATUAN PEKERJA-PEKERJA DALAM PERKHIDMATAN AWAM (CUEPACS)

Pada 19 Julai 2012 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah mengadakan perjumpaan bersama Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan penjawat awam.



Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) turut mengadakan perjumpaan bersama Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS)





**AKTIVITI SUKAN DAN
SOSIAL WARGA SPA**

Pusat Temu Duga SPA Tawau, Sabah

